



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami: PPDKLG.600-3/1/2Jld.4 (93)

Tarikh: 10 Mei 2025

Guru Besar
Sekolah-sekolah Rendah Daerah Kluang

Tuan,

**KEM UJIAN LENCANA KERIS PERAK PENGAKAP KANAK-KANAK PERINGKAT
DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat permohonan daripada Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Kluang bernombor rujukan **PPMKG 600-1/3/1 (06)** bertarikh **13 Mei 2025** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang tiada halangan bagi murid dan guru untuk menyertai program tersebut sepertimana ketetapan yang berikut:

Tarikh	: 12 Julai 2025 (Sabtu)
Masa	: 8.00 pagi hingga 3.00 petang
Tempat	: SK Seri Kampung Tengah

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama daripada pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada guru pemimpin pengakap sekolah tuan untuk menghadiri taklimat berkaitan program mengikut ketetapan seperti yang dinyatakan dalam surat yang dilampirkan.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Hairul Azuan bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103. Kerjasama tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

(ZAINUDDIN BIN MD. RAMLAN)
Timbalan PPD Pembangunan Murid
b/p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang

Sk : Fail



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA NEGERI JOHOR

Scouts Association of Malaysia, Johor State

Diperbadankan dibawah Akta Parlimen No.784 Tahun 1968 (Semakan 2016). Enacted under Parliament Act.No.784 (Revised 2016).

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PPMKG 600-1/3/1(06)
Tarikh : 13 MEI 2025

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
86000 Kluang,
Johor.
(UP: Sektor Pembangunan Murid)

Tuan,

MOHON KEBENARAN MENJALANKAN KEM UJIAN LENCANA KERIS PERAK PENGAKAP KANAK-KANAK PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025

Dimaklumkan bahawa perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami akan menganjurkan program seperti ketetapan berikut-

2.1 Tarikh: 12 Julai 2025(Sabtu)
2.2 Masa: 8.00 pagi hingga – 3.00 petang.
2.3 Tempat: SK Seri Kampung Tengah Kluang.

3. Pihak kami ingin menjemput semua sekolah rendah berdaftar Tahun 2025 di daerah Kluang bagi menjayakan program tersebut. Peserta yang layak adalah murid yang telah mempunyai Lencana Keris Gangsa. Dilampirkan kertas kerja berkaitan aktiviti yang akan dilaksanakan pada hari tersebut.

4. Syarat penyertaan untuk murid yang menduduki ujian akan dilaksanakan secara atas talian melalui pautan meet.google.com/wqo-igor-hpx yang akan diadakan pada **11 Jun 2025 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari**. Kehadiran taklimat adalah pemimpin/penolong pemimpin pengakap.

5. Segala pertanyaan boleh diajukan kepada En Mohamad Fareez bin Mazlan, Penyelaras Program di talian 07-771 1736. Kerjasama yang diberikan diucapkan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”
“PENGAKAP MENTRANSFORMASI GENERASI”

Saya yang menjalankan amanah,

(SHARIZAM BIN ABDUL TALIB)

Pesuruhjaya Pengakap
Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Kluang

Sk :
1. Fail
2. PPM Negeri Johor

RUMAH PENGAKAP KLUANG
JKR622 Jalan Sekolah
86000 Kluang
No. Tel : 019-3050704